



11 JUL, 2024

3,012 cubaan seludup libat cukai lebih RM300 juta digagalkan setakat Mei

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

3,012 cubaan seludup libat cukai lebih RM300 juta digagalkan setakat Mei



ANIS RIZANA

PUTRAJAYA - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berjaya membanteras sebanyak 3,012 cubaan penyeludupan melibatkan pelbagai barangan dalam tempoh Januari hingga Mei lepas, kata Ketua Pengarah Kastam, Datuk Anis Rizana Mohd Zainuddin.

Berucap pada Majlis Pelancaran Audit Verifikasi Pemuatan (AVIP) di sini pada Rabu, beliau berkata, ia termasuk kes penyeludupan dadah, rokok, minuman keras dan lain-lain komoditi membabitkan nilai cukai RM303.9 juta.

"Sejak akhir-akhir ini, banyak isu terpalit dengan Kastam, namun ia tidak patahkan semangat dan jati diri kastam dalam melaksana

tanggungjawab sedia ada," katanya.

Menurut Anis Rizana, JKDM selaku barisan pertahanan sempadan negara, telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan tidak berlakunya ketirisan hasil negara antaranya pengenalan transaksi dalam talian dan pengemaskinian maklumat berkaitan dasar percukaian bagi memudahkan entiti perniagaan dan orang awam mendapatkan maklumat terkini.

"Kedua, memodenkan prosedur pelepasan kastam dengan menggunakan teknologi dan inovasi seperti mesin pengimbas yang dilengkapi teknologi kecerdasan buatan untuk

menyelaraskan beberapa perkara," ujarnya.

Mengenai AVIP, Anis Rizana berkata, ia merupakan strategi audit baharu JKDM bagi tempoh 2024-2026 yang memberi tumpuan untuk mendapatkan sebanyak mungkin entiti perniagaan khususnya yang telah berdaftar atau berlesen dengan JKDM berdasarkan penarafan risiko.

Strategi itu bertujuan meningkatkan tahap pemuatan entiti perniagaan dan mengesan ketidakpatuhan pada peringkat awal bagi mengurangkan risiko atau kesilapan iaitu jika tidak dibendung lebih awal akan memberi kesan ke atas liabiliti cukai yang lebih besar. - *Bernama*



11 JUL, 2024

3,012 cubaan seludup libat cukai lebih RM300 juta digagalkan setakat Mei

Sinar Harian, Malaysia



SUMMARIES

PUTRAJAYA - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berjaya membanteras sebanyak 3,012 cubaan penyeludupan melibatkan pelbagai barangan dalam tempoh Januari hingga Mei lepas, kata Ketua Pengarah Kastam, Datuk Anis Rizana Mohd Zainuddin. Berucap pada Majlis Pelancaran Audit Verifikasi Pematuhan (AVIP) di sini pada Rabu, beliau berkata, ia termasuk kes penyeludupan dadah, rokok, minuman keras dan lain-lain komoditi membabitkan nilai cukai RM303.9 juta.